

Ekonomi akan pulih —Mahathir

BINTULU, Khamis. — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin bahawa Negara akan dapat mengatasi kemelesetan ekonomi yang dilalui sekarang tahun depan.

"InsyaAllah, dengan kadar faedah Amerika Syarikat yang lebih baik, ekonomi kita akan pulih," Kata Perdana Menteri kepada para pemberita di sini sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

Beliau mengakui bahawa kedudukan ekonomi sekarang masih 'ketat' tetapi ada tanda-tanda akan bertambah baik.

"Harga barangan mulai bertambah baik dan ini bererti hasil Kerajaan akan bertambah," katanya.

Tetapi Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan bahawa Kerajaan masih berhati-hati dan tidak

bercadang untuk menambahkan perbelanjaannya.

"Kami masih meneruskan langkah berjimat-cermat untuk menjamin kedudukan kewangan negara tetap kukuh," ujarnya.

Beliau singgah lima jam di sini dan tertarik dengan kemajuannya yang begitu pesat sejak akhir beliau ke mari dalam tahun 1979.

Perdana Menteri berkata, kemajuan 'Bandar Minyak' ini sungguh menonjol jika dibandingkan dalam tahun 1973.

"Saya melawat bandar ini 1979. Tetapi waktu itu Bintulu cuma sebuah bandar terpencil, tiada bangunan yang sempurna.

"Tetapi sekarang penduduknya bertambah ramai. Kereta pun banyak terutamanya dengan projek LNG," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata perumahan tidak lagi menjadi masalah di bandar ini.

Beliau juga tertarik dengan program pengindahan yang dijalankan di bandar ini dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Beliau berharap program seumpama itu akan juga dilaksanakan di kawasan-kawasan industri demi keselesaan penduduknya.

Sebelum itu Perdana Menteri yang ditemani oleh Datuk Seri Dr Siti Hasmah melawat kilang LNG di Tanjung Kidurong.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia